

11.2.3 Pertimbangan utama dalam menentukan sama ada penamatan patut dikenakan ataupun tidak ialah keupayaan Kontraktor untuk meneruskan dan menyiapkan Kerja setelah beliau dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Ini sudah tentu sukar untuk ditentukan dengan tepat dan banyak bergantung kepada satu penilaian objektif ke atas keadaan semasa, perhitungan dan budi bicara. Kontraktor perlu membuktikan keupayaan untuk menyiapkan Kerja ini dengan mengemukakan maklumat kewangan, senarai pekerja, senarai loji dan peralatan serta program kerja yang terperinci. Perbincangan secara jujur dan terbuka dengan Kontraktor juga akan membantu P.P. membuat pertimbangan ke atas keupayaan sebenar kontraktor.

11.3 Notis Untuk Mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap

- 11.3.1 Sebarang kelambatan boleh dikesan apabila kemajuan Kerja pembinaan dipantau dengan rapi. P.P. hendaklah mengeluarkan surat amaran kepada Kontraktor apabila projek telah/dijangka akan lewat.
- 11.3.2 Sekiranya pada pandangan P.P. Kontraktor tidak dapat menyiapkan Kerja dan sebelum Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan dikenakan, Kontraktor hendaklah diberi notis untuk mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap¹. Notis ini bertujuan untuk memberi peluang kepada Kontraktor untuk mengemukakan alasan mengenai kelambatan tersebut untuk pertimbangan Pegawai Yang Diberi Kuasa untuk bertindak bagi pihak Kerajaan. Bagi maksud memberi notis kepada Kontraktor, surat piawai seperti di dalam Lampiran 11A hendaklah digunakan.
- 11.3.3 Sekiranya P.P. berpendapat bahawa tiada asas atau alasan wajar bagi kelambatan dan lanjutan masa diberikan, maka tindakan untuk mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap hendaklah diambil.
- 11.3.4 Meskipun demikian, P.P. hendaklah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap pada tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Sekiranya Perakuan Kerja Tidak Siap lewat dikeluarkan, maka masa bukan lagi menjadi teras kepada kontrak tersebut dan dengan itu kontraktor hanya bertanggungan untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang munasabah (*time is at large*). Sehubungan itu, hak Kerajaan untuk mengenakan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan akan terjejas.

¹ Klaus 66.2, Syarat-Syarat Kontrak P.W.D FORM 203/203A (Rev.2007)